

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

YMT 302/4 - Komunikasi Antarabudaya

Masa: 3 jam

Jawab **TIGA** (3) soalan.

1. Apakah pentingnya konsep hegemoni yang dipelopori oleh Gramsci dalam menganalisis interaksi antara budaya kecil dan budaya dominan? Perbincangan anda hendaklah mengandungi contoh-contoh.

(100 markah)

2. Sejauh manakah benar pernyataan bahawa teknologi maklumat khususnya dan teknologi amnya boleh mewarna dan mencorakkan budaya sesebuah masyarakat? Bincang dengan memberi beberapa contoh tempatan.

(100 markah)

3. Teater rakyat atau teater popular, menurut Ross Kidd dan Mamunur Rashid (1984), adalah satu macam 'senjata budaya' bagi rakyat sesebuah negara. Bincang perkara ini dengan mengambil kira keadaan masyarakat Malaysia.

(100 markah)

4. Muzik popular lebih menyeronokkan daripada membawa apa-apa kesedaran sosial. Perbincangan anda hendaklah disokongi oleh contoh-contoh jelas.

(100 markah)

5. Komik, sebagai satu bentuk budaya popular, mempunyai peranannya tersendiri dalam sesebuah masyarakat. Bincang pernyataan ini berdasarkan pandangan yang diutarakan oleh Martin Barker (1989) tentang ideologi dan komik.

(100 markah)

-ooooOooo-